

## **TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK:**

### **SOROTAN LITERATUR**

**Maizan binti Mat @Muhammad,**

**Fakulti Pendidikan KUIS (maizan@kuis.edu.my)**

### **ABSTRAK**

Menjadi perkara biasa dalam kalangan kanak-kanak untuk mengamuk, tidak hormat dan bergaduh dengan orang dewasa termasuk ibu bapa dan guru. Kanak-kanak sering bertindak begini apabila mereka lapar, penat atau rasa tidak selesa. Walaubagaimana pun, andai kanak-kanak berterusan berkelakuan begini akhirnya boleh menyebabkan kecelaruan tingkah laku. Masalah tingkah laku devian ini berbahaya kerana ia membawa implikasi negatif kepada individu tersebut dan persekitarannya. Artikel ini mempunyai satu objektif utama iaitu meneliti punca-punca atau faktor-faktor penyumbang kepada tingkah laku devian yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Sorotan literatur dilakukan bagi mendapat maklumat yang lebih tepat serta pemahaman yang lebih mendalam berkaitan terminologi serta pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan. Tindakan carian artikel-artikel yang berkaitan dilakukan melalui pelayaran pengkalan data Psychiatry Online, NCBI Resources, APA PsycNET, Google Scholar, Researchgate, UPM eTheses, Science Direct, Emerald Insight dan Springer Link dengan menggunakan kata kunci; devian, tingkah laku devian dan tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak. Hasil penelitian kepada kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat banyak punca dan faktor berlakunya tingkah laku devian seperti faktor sosial dan ekonomi, caragaya keibubapaan, pengabaian, pendedahan kepada keganasan, rakan sebaya serta media. Pemahaman melalui sorotan literatur ini menjelaskan sama ada kanak-kanak tersebut adakah pelaku ataupun mangsa. Ini juga dapat menjadi panduan dalam proses penjagaan urusan kebajikan serta perlindungan kanak-kanak.

Katakunci: Tingkah laku devian, kanak-kanak.

## **1.0 PENGENALAN**

Terdapat banyak kajian yang dilihat telah memberi fokus kepada kanak-kanak dan remaja. Walaubagaimanapun penelitian dari aspek punca masih perlu dikaji kerana daripada sorotan literatur yang telah dibuat, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan pemahaman dalam aspek ini, terutama apabila berbincang tentang tingkah laku devian kanak-kanak, adakah mereka pelaku ataupun sebenarnya mereka ini adalah mangsa?

Bukan perkara biasa untuk seorang kanak-kanak bercakap kasar, menengking, tidak patuh atau sentiasa berdebat dengan orang dewasa, seperti ibu bapa dan guru mereka. Menurut American Academy of Child and Psychiatry Remaja, kebanyakan kanak-kanak bertindak sedemikian apabila mereka lapar, letih atau tidak selesa. Walaubagaimanapun, kanak-kanak yang bertindak begitu secara konsisten mungkin sedang mengalami gangguan kelakuan.

Devian dianggap sebagai satu bentuk tingkah laku yang tidak dapat diterima atau tidak sesuai. Seorang kanak-kanak yang bertingkah laku secara konsisten menyinggung atau tidak dapat ditahan, atau jika tingkah laku yang luar biasa berbeza daripada kanak-kanak lain dan perkembangannya, mungkin mempunyai masalah tingkah laku. Kanak-kanak yang menunjukkan symptom sebegini perlu dirujuk kepada pakar agar dapat dibantu. Ini kerana perkara ini boleh memberi kesan kepada kehidupan kanak-kanak itu seterusnya. Kanak-kanak itu mungkin akan menjadi seorang remaja dan dewasa yang terlibat dengan salah laku atau jenayah.

Pemahaman yang lebih jelas tentang tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak juga adalah perlu agar perancangan pencegahan serta intervensi dapat dilaksanakan dengan baik. Dengan pemahaman tersebut, bentuk pencegahan dan intervensi itu nanti akan benar-benar memenuhi keperluan. Perkara ini juga penting untuk menentukan bentuk perlindungan serta penambahbaikan undang-undang berkaitan kanak-kanak. Sebagaimana yang semua maklum, kanak-kanak merupakan satu golongan yang senang terdedah kepada pelbagai anasir yang tidak baik. Tingkah laku mereka juga senang terlentur, mereka sangat senang meniru tingkah laku individu dewasa yang signifikan dalam kehidupan mereka. Oleh kerana itu lah, apabila berbincang tentang tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak, selalunya punca dan faktor adalah dari luar, bukan dari dalam diri mereka. Jika ini diambil perhatian, satu gambaran yang dikenalpasti adalah kebanyakan kanak-kanak yang bertingkah laku devian sebenarnya adalah mangsa kepada dewasa yang devian.

Menurut Nadezhda Krusteva (2015), dalam teori dan amalan undang-undang, perkembangan kanak-kanak dan perlindungan hak mereka adalah satu cabaran utama dasar kerajaan di seluruh dunia. Secara amnya diterima, apabila kanak-kanak atau remaja melanggar norma-norma tingkah laku sejagat, perkara tersebut perlu difahami dan ditangani dengan berhati-hati dan secara individu. Ini bagi mengurangkan masalah yang sama berulang lagi di masa hadapan. Pengalaman membuktikan bahawa pencegahan adalah cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah ini, bukan sahaja aktiviti antisosial di bawah umur tetapi juga masalah kenakalan dalam kalangan kanak-kanak.

### **Perbezaan antara tingkah laku *defiance* dan devian**

Apabila berbincang tentang masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak, ramai penulis akan merujuk kepada tingkah laku *defiance*, namun terdapat juga pengkaji yang terus memberi perhatian kepada tingkah laku devian atau dalam Bahasa Inggeris, *deviance*. Apapun, kedua-dua bentuk tingkah laku ini adalah berkaitan. Sebenarnya hanya satu garis tipis yang membezakan *deviance* (penyimpangan) dan *defiance* (penentangan). *Defiance* bermaksud penentangan atau memberontak terhadap autoriti atau pihak berkuasa, kebencian yang berani. *Deviance* pula bermakna penyimpangan, menyimpang atau berbeza daripada norma yang diterima, melangkaui dari piawaian biasa atau diterima, terutamanya dalam tingkah laku sosial atau seksual.

Pandangan orang tua dan masyarakat tentang anak-anak yang tidak patuh dan melakukan perkara-perkara mengikut fikiran mereka sendiri adalah kerana terlalu banyak halangan dan sekatan, tidak diberi kebebasan, terlalu dikawal sehingga menyebabkan tercetusnya rasa untuk menentang. Ini pada dasarnya adalah keadaan masyarakat hari ini. Apa yang membimbangkan adalah tingkah laku menentang atau *defiance* ini boleh membawa kepada masalah tingkah laku yang lebih bahaya iaitu berbentuk penyimpangan atau *deviance*.

### **Tujuan**

Beberapa kajian lepas memberi fokus dan cuba memahami punca atau faktor pencetus kepada tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak. Untuk tujuan itu, sorotan literatur telah dilakukan untuk menilai sejauh mana punca-punca tersebut memainkan peranan dan menyumbang kepada pelbagai bentuk tingkah laku devian yang semakin berleluasa dalam kalangan kanak-kanak dan remaja hari ini. Tumpuan utama diberikan kepada kajian-kajian lepas yang berjaya mengenalpasti hubungan di antara punca-punca tersebut dengan tingkah

laku devian, yang mana ianya mungkin mampu meramal bentuk tingkah laku devian yang mungkin berlaku, seterusnya memberi idea kepada pihak terlibat berkaitan cara yang paling sesuai menanganinya termasuklah merancang atau merangka intervensi yang sesuai.

## 2.0 METODOLOGI

Sorotan literatur telah dilakukan melalui carian dalam beberapa pengkalan data seperti Google Scholar, Science Direct, Researchgate, UPM eTheses, Emerald Insight, NCBI Resources, Psychiatric Science, LOOK Academic Open access dan Springer Link. Sebanyak 60 artikel telah dicari dengan menggunakan kata kunci *deviant*, *deviant behaviour*. Walaubagaimana pun hanya 30 artikel telah dipilih untuk penelitian yang kesemua artikel tersebut berkaitan dengan terminology yang lebih khusus iaitu *child deviant behaviour* dan *deviant behaviour in childhood*. 30 artikel yang telah dikecualikan pada peringkat ini adalah artikel yang memberi tumpuan kepada tingkah laku devian di tempat kerja atau organisasi. Namun, pembacaan tetap dilakukan untuk mendapatkan gambaran tentang perbezaan definisi konteks dan populasi yang lebih jelas. Pemilihan artikel kemudiannya dihadkan kepada yang memberi fokus penyelidikan dan perbincangan berkaitan faktor-faktor penyumbang kepada tingkah laku devian kanak-kanak. Artikel yang tidak memberikan pengertian operasional yang jelas tentang tingkah laku devian telah dikecualikan daripada pemilihan literatur untuk tujuan kertas konsep ini. Akhirnya, 10 artikel yang paling tepat terutama dari aspek definisi operasional dan pembolehubah telah dikenalpasti dan dipilih sebagai rujukan utama untuk tujuan penyelidikan akan datang.

Pengkalan Data	Jumlah artikel
Google Scholar	3
APA PsycNET	3
NCBI Resources	5
Science Direct	4
Researchgate	4
UPM eTheses	1
Emerald Insights	5
Springer Link	3
LOOK Academic Publisher Open Access	1
Psychiatric Science/PubMed	1

Jadual 1: Taburan jumlah artikel dan pengkalan data carian literatur

Untuk tujuan pemilihan artikel, beberapa kriteria telah dikenalpasti dari awal seperti berikut:

Kriteria pemilihan artikel:

1. Definisi operasional konsep yang tepat; **tingkahlaku devian** dalam kalangan **kanak-kanak**.
2. Punca atau factor penyumbang kepada tingkah laku devian kanak-kanak.
3. Kajian terkini iaitu dalam tempoh 5 tahun (2013-2018).

Kriteria pengecualian artikel:

1. Populasi kajian bukan dalam kalangan kanak-kanak, contohnya remaja atau golongan dewasa.
2. Konteks kajian adalah organisasi atau lingkungan tempat kerja.
3. Kajian yang melebihi tempoh 5 tahun ke belakang.

### **3.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Daripada penelitian yang telah dilakukan, terdapat beberapa faktor yang mempunyai perkaitan dengan tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak seperti faktor genetik dan persekitaran, caragaya keibubapaan, faktor sosial dan ekonomi, pendedahan kepada keganasan serta media.

Secara keseluruhan, banyak artikel telah membuktikan bahawa keadaan keluarga, sikap dan sifat ibu bapa, hubungan anak-ibubapa dan caragaya keibubapaan merupakan antara faktor penyumbang yang utama kepada tingkah laku devian kanak-kanak. Daripada 30 artikel yang disemak, sebanyak 11 artikel telah menunjukkan hasil penelitian dan hasil kajian yang menyokong pernyataan ini. Ini menunjukkan kepentingan institusi keluarga dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak. Masoumeh Homauni (2014) dalam kajiannya, pada bahagian sorotan literatur, banyak mengupas berkaitan kesan hubungan anak-ibubapa dengan tingkah laku devian kanak-kanak dan remaja.

Namun, satu kajian yang lebih fokus perlu dilaksanakan untuk melihat secara lebih jelas perbezaan caragaya keibubapaan dan kesannya ke atas tingkah laku kanak-kanak. Adakah hanya caragaya yang keras dan kasar sahaja yang boleh menyebabkan anak-anak bertingkah laku devian, ataupun mungkin semua bentuk caragaya keibubapaan berpotensi menjadi faktor

penyumbang? Adakah terdapat faktor mediator yang lain yang menyebabkan masalah ini terus berlaku?

Hasil sorotan literatur telah diringkaskan dalam bentuk jadual supaya perbezaan, terutamanya dari segi tujuan kajian dan hasil kajian dapat dilihat dan difahami dengan lebih jelas. Walaupun di peringkat awal telah ditentukan kriteria pengecualian artikel yang tempohnya 5 tahun ke belakang, namun dalam sorotan literatur ini, artikel-artikel tersebut turut diteliti sebagai pemahaman awal dan perbandingan dengan artikel terkini.

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK ARTIKEL	TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	HASIL KAJIAN
1.	Novick, J., Rosenfeld, E., D. A., & Dawson, D. (1996)	Ascertaining deviant behaviour in children	Masalah dalam penggunaan inventori yang tepat untuk memahami dan penyediaan laporan berkaitan tingkah laku devian. Untuk meminimakan kesilapan dalam pelaporan	Penggunaan inventori yang tepat akan dapat mengurangkan kesilapan dalam pelaporan.
2.	David M. Ferguson & L. John Horwood (1999)	Prospective childhood predictors of deviant peer affiliations in adolescence	Longitudinal study – untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi remaja yang terlibat dengan jenayah dan penggunaan bahan terlarang dalam kalangan remaja (15 tahun)	Remaja yang lebih berpotensi terlibat dengan jenayah adalah mereka yang datang daripada latarbelakang sosial dan keluarga yang bermasalah.  Antara punca lain adalah tahap sosioekonomi keluarga, konflik ibubapa, komunikasi anak dan ibubapa, penderaan seksual kanak-kanak, ibu bapa terlibat jenayah dan salahguna bahan terlarang, ibubapa merokok, masalah tingkahlaku awal usia, kebimbangan/penolakan awal usia, keterlibatan dengan rokok awal usia.
3.	Nadezhda Krusteva (2015)	Deviant child behaviour: A child as a victim or an offender	Kanak-kanak terlibat dengan tingkah laku devian, perlu disediakan perlindungan dan perhatian. Kepentingan untuk	Pihak yang mempunyai autoriti perlu lebih serius dalam mengenalpasti punca sebenar tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak,

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK ARTIKEL	TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	HASIL KAJIAN
			<p>mengatasi masalah ini yang boleh membawa kepada tingkah laku devian semasa remaja. Kanak-kanak yang terlibat dengan devian, adakah mereka ini pelaku atau mangsa?</p>	<p>agar mereka dapat dilindungi sewajarnya. Menjaga kebajikan golongan kanak-kanak adalah prioriti bagi sesebuah negara termasuklah dalam aspek menangani tingkah laku devian. Golongan kanak-kanak merupakan kumpulan sosial yang senang terdedah kepada pengaruh luar dan cenderung untuk terlibat dengan masalah juvenil. Kanak-kanak yang terlibat dengan tingkah laku devian ini juga selalunya dulu merupakan mangsa keadaan sosial yang menekan.</p>
4.	Dr Michael Shepherd, Dr A N Oppenheim, & Dr Sheila Mitchell (1966)	The definition and outcomes of deviant behaviour in childhood	Laporan berkaitan kanak-kanak yang gagal melakukan penyesuaian (maladjusted) menarik perhatian pengkaji untuk melihat statistik yang lebih tepat berkaitan kes ini. Perkara ini adalah perlu bagi merancang perawatan yang tepat.	Terdapat faktor yang mempengaruhi tindakan ibu bapa untuk tidak membawa anak mendapatkan rawatan – status sosioekonomi, umur ibubapa, kekacauan dalam keluarga, kesihatan ibubapa, jarak geografi ke hospital. Perkara ini menyukarkan pengkaji untuk penyediaan statistik yang tepat.
5.	Tetiana Dehtiarenko & Oksana Kostiuk (2018)	Interdisciplinary and neuropsychological approach to diagnosis and correction of phenotypes of deviant behaviour in preschool children	Keperluan plan rawatan untuk intervensi dalam mengenalpasti phenotypes tingkah laku devian kanak-kanak	Skor penilaian meningkat dalam kalangan kanak-kanak yang menggunakan plan rawatan.
6.	Qingyi Li & Tyrone C. Cheng (2017)	New evidence in physical violent behaviors among school-aged children: A multiple disadvantages model	Keperluan program pencegahan keganasan di sekolah dalam usaha mengurangkan kes tingkah laku agresif dan devian dalam kalangan pelajar sekolah.	Antara faktor tingkah laku devian pelajar sekolah adalah rakan sebaya, pemantauan yang lemah daripada ibubapa, tekanan di sekolah, pencapaian akademik yang lemah, penggunaan alkohol dan

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK ARTIKEL	TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	HASIL KAJIAN
				dadah, pendedahan kepada permainan video. Hubungan sekolah dan pemantauan ibubapa memainkan peranan yang sangat penting dalam mencegah tingkah laku devian.
7.	Vikki J. bland, Ian Lambie & Charlotte Best (2018)	Does childhood neglect contribute to violent behaviour in adulthood? A review of possible links	Keperluan untuk melihat hubungan di antara pengabaian semasa zaman kanak-kanak dengan tingkah laku ganas semasa dewasa. Faktor yang boleh melindungi kanak-kanak terabai daripada terlibat dengan tingkah laku ganas.	Pengabaian boleh memberi kesan negatif kepada kognitif, sosial, personaliti, pendidikan dan kehidupan keseluruhan. Pengabaian semasa kanak-kanak lebih memberi kesan berbanding penderaan kepada tingkah laku ganas semasa dewasa.
8.	Madelyn H Labella & Ann S Masten (2017)	Family influences on the development of aggression and violence	Keperluan mengenalpasti hubungan tingkah laku agresif kanak-kanak dengan pengaruh keluarga bagi menentukan masa serta bentuk intervensi yang sesuai bagi menangani masalah ini.	Peranan keluarga sangat penting dalam membentuk tingkah laku anak. Faktor genetik dan persekitaran, kedua-duanya boleh menyumbang kepada tingkah laku agresif dan ganas anak. Selain faktor genetik, tingkah laku agresif juga berkait dengan tekanan, gaya keibubapaan yang kasar dan keganasan dalam keluarga. Konteks atau persekitaran yang sebaliknya adalah diperlukan untuk membentuk tingkah laku yang lebih adaptif
9.	Wang Qiang (2012)	The research on the deviant behaviour and parent-child relationship of juvenile crime	Zaman kanak-kanak merupakan satu tempoh yang boleh membuatkan komunikasi anak-ibubapa menjadi satu bentuk komunikasi yang memberi tekanan. Kanak-kanak sangat berminat dengan perkara-perkara baru, berkawan	Terdapat banyak faktor yang menyebabkan kesalahan juvena, dari aspek fizikal, psikologikal, keluarga, sekolah, sosial, struktur dan hubungan kekeluargaan.



<b>BIL</b>	<b>NAMA PENULIS</b>	<b>TAJUK ARTIKEL</b>	<b>TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>
			dengan mereka yang mempunyai minat yang sama, suka berdikari, melawan mereka yang memiliki autoriti. Perkara ini menyebabkan mereka sukar menyesuaikan diri dengan kehendak ibubapa.	
10.	Gretchen K. Lobitz & Stephen M. Johnson (1975)	Normal versus deviant children	Keperluan memahami peranan ibu bapa dalam menangani atau mengawal tingkah laku devian kanak-kanak.	Sikap ibubapa mempengaruhi tingkah laku devian kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak yang bertingkah laku devian datang dari keluarga yang ibu bapa bersikap negatif serta mendesak.
11.	Mengjiao Li, Jie Chen, Xingying Li & Kirby Deater-Deckard (2015)	Moderation of harsh parenting on genetic and environmental contributions to child and adolescent deviant peer affiliation: A longitudinal twin study	Kedua-dua faktor, genetic dan non-genetic memainkan peranan dalam tingkah laku devian kanak-kanak dan remaja. Keperluan melihat secara longitudinal peranan faktor genetik dan perubahan persekitaran terhadap hubungan kembar/saudara kandung yang bertingkah laku devian, dengan caragaya keibubapaan yang keras (moderating role)	Caragaya keibubapaan yang keras/kasar menjadi faktor penyumbang kepada tingkah laku devian kanak-kanak.
12.	Alan E Kazdin (1980)	Acceptability of alternative treatments for deviant child behavior	Keperluan menilai bentuk rawatan yang perlu digunakan kepada kanak-kanak dengan tingkah laku devian.	Rawatan secara penarikan peneguhan lebih diterima berbanding bentuk rawatan yang lain seperti terapi dadah dan kejutan elektrik. Rawatan ini dinilai kesesuaiannya mengikut tahap keseriusan tingkah laku devian yang ditonjolkan.
13.	Alan E Kazdin (2018)	Developing treatments for antisocial behaviour among children: controlled trials and uncontrolled tribulations	Pembangunan dan penilaian rawatan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan tingkah laku anti sosial yang melampau (mencuri, agresif, merosakkan harta benda).	Bentuk perawatan yang sesuai dibangunkan dengan melibatkan semua disiplin – menghasilkan intervensi yang sesuai.

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK ARTIKEL	TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	HASIL KAJIAN
			Ramai individu yang memerlukan khidmat psikologikal di US dan dunia tidak menerima apa-apa rawatan.	
14.	David A Wilder, Katie Nicholson & Janelle Allison (2010)	An evaluation of notice to increase compliance among preschoolers	Keperluan menangani kanak-kanak dengan tingkah laku <i>noncompliance</i> (tidak patuh arahan) serta cara untuk meningkatkan <i>compliance</i> (kepatuhan) dalam kalangan kanak-kanak.	Tingkah laku compliance dapat ditingkatkan dengan bimbingan fizikal ( <i>physical guidance</i> ).
15.	Badruzaman bin Baharom (2006)	Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja	Mengenalpasti hubungan atau perkaitan antara persekitaran keluarga dengan tingkah laku devian remaja.	Terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama, corak gaya asuhan ibu bapa dan tahap kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.
16.	Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Juriah @ Daing Junaidah Bte Hj. Bachok (2010)	Perkaitan antara hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah bestari di Daerah Pontian	Mengenalpasti perkaitan antara hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen remaja	Terdapat perkaitan antara hubungan kekeluargaan, jantina pengaruh rakan sebaya dengan tingkah laku delinkuen remaja
17.	William E. Pelham, Alan R. Lang, Beverly Atkenson, Debra A. Murphy, Elizabeth M. Gnagy, Andrew R. Greiner, Mary Vodde-Hamilton & Karen E.	Effects of deviant child behaviour on parental distress and alcohol consumption in laboratory interactions	Melihat perkaitan di antara pengambilan alkohol dan tekanan dalam kalangan dewasa dengan kecelaruan tingkah laku kanak-kanak seperti <i>Attention Deficit Hiperactivity Disorder</i> (ADHD), <i>Conduct Disorder</i> (CD) dan <i>Oppositional Defiant Disorder</i> (ODD)	Ibu bapa yang terdedah kepada interaksi dengan kanak-kanak ADHD, CD atau ODD akan lebih tertekan dan mengambil lebih alkohol

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK ARTIKEL	TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	HASIL KAJIAN
	Greenslade (1997)			
18.	C K Cheung, Lucia Lin Liu (2015)	Revisiting the subculture: understanding deviant students in China	Memahami dan mencabar sub budaya golongan muda daripada negara Cina dan berlatarbelakang kelas rendah, yang mana budaya itu dilihat sebagai faktor kegagalan sistem pendidikan dan mengubah masyarakat kepada perpecahan dan konflik nilai.	<p>Pelajar dengan tingkah laku devian membentuk satu sub budaya di mana mereka secara kolektif mencabar autoriti (guru dan ibu bapa) sehingga mereka berjaya temui jalan perdamaian dan membolehkan mereka menamatkan persekolahan dengan senang.</p> <p>Hasil kajian boleh dijadikan panduan kepada guru-guru dan pentadbir sebagai satu perspektif baru dalam memahami pencapaian pelajar yang lemah serta tingkah laku disruptif mereka. Dengan memahami tingkah laku devian pelajar, guru-guru boleh merangka satu bentuk penilaian yang lebih tepat.</p>
19.	Imke Dunkake (2006)	Truants and the the family: An empirical study of deviant behaviour in early adolescence	Mengkaji faktor-faktor keluarga terhadap masalah ponteng	Antara faktor ponteng adalah dari aspek sosial dan budaya, pencapaian akademik yang lemah dan hubungan rapat dengan rakan sebaya yang devian.
20.	Stefanie Salazar, Michel Boivin, Frank Vitaro, Stephane Cantin, Nadine Forget-Dubois, Mara Brendgen GINETTE Dionne, Richard Tremblay (2015)	Friendship and deviancy training in young children	Mengkaji pendekatan latihan tingkahlaku devian sama ada melalui kaedah peneguhan atau meniru kelakuan dalam kalangan kanak-kanan.	<i>Modelling</i> dan peneguhan positif memberi kesan kepada masalah kelakuan kanak-kanak.
21.	Birgit Herz (2012)	Punitive trends in Germany: New solutions for deviant	Mengkaji hubungan antara perkembangan sosio ekonomi dengan	Kaedah hukuman dalam pengajaran kepada murid telah melanggar proses

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK ARTIKEL	TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	HASIL KAJIAN
		behaviour or old wine in new bottles?	kaedah hukuman dalam pengajaran di sekolah (law and order pedagogy)	pengajaran yang sepatutnya tanpa keganansan – kaedah ini dianggap terus melabel pelajar sebagai bertingkhilaku devian.
22.	Ingeborg Marie Helgeland (2011)	Participation and protection of youngsters with serious behaviour problems in Norwegian Child Welfare Service	Dilemma di antara memberi ruang kepada golongan muda untuk membuat keputusan dan melindungi mereka daripada masalah tingkah laku. Meneroka kesan penjagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak dan remaja bermasalah di Norway.	Penjagaan dan perlindungan semasa kanak-kanak dan remaja memberi manfaat kepada mereka. Perkara ini disadari apabila mereka memasuki alam dewasa.
23.	Kumpulaine K, Rasanen E. (2002)	Symptoms and deviant behaviour among eight-year-olds as predictors of referral for psychiatric evaluation by age 12	Mengkaji sama ada simptom-simptom psikiatrik dan tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak berusia 8 tahun dapat meramal kes akan dirujuk untuk konsultasi pada tahun kemudiannya.	Masalah psikiatrik dalam kalangan kanak-kanak dapat meramal rujukan kes tersebut pada tahun-tahun kemudiannya. Jumlah kanak-kanak lelaki yang dirujuk lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan.
24.	David S. Crystal (1994)	Concepts of deviance in children and adolescents: The case of Japan	Mengulas literatur teoritikal, klinikal dan empirical berkaitan 3 bentuk devian di Jepun: buli, ponteng dan tingkah laku devian terhadap ibu bapa.	Analisa hubungan di antara matlamat dalam membesarkan anak-anak, nilai-nilai tardisi, dinamika interpersonal dan konsep devian.
25.	Valentina B. Salakhova, Aleksandr V. Bulgakov, Irina E. Sokolovskaya, Rina S. Khammatova and Mikhail N. Mikhaylovsky (2016)	Substantive (Content-Related) Characteristics of deviant behaviour as a social and psychological phenomenon	Interaksi personaliti hari ini berlaku dalam keadaan transformasi yang tinggi, yang mana boleh mambawa kesan positif dan juga kesan negative dalam pelbagai aspek kehidupan. Perubahan yang memerlukan penyesuaian seperti tahap sosioekonomi, kelemahan komunikasi, pudar nilai tradisi dan sebagainya.	Sorotan literatur mengenalpasti ciri-ciri tingkah laku devian dan ini boleh menjadi panduan praktikal kepada ahli psikologi, pekerja social dan staf institusi Pendidikan.
26.	R. G Wahler (1975)	Some structural aspects of deviant child behavior	Mengkaji hubungan antara beberapa variable dengan masalah tingkah	Kovariansi tingkah laku tidak boleh diambil kira berasaskan hubungan temporal antara tingkah laku

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK ARTIKEL	TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	HASIL KAJIAN
			laku kanak-kanak dalam konteks atau persekitaran rumah dan sekolah.	dan kategori persekitaran sosial.
27.	John D Coie and Bruce F. Pennington (1976)	Children's perceptions of deviance and disorder	Menilai pandangan kanak-kanak terhadap tingkah laku devian mengikut usia.	Corak reaksi terhadap penilaian tingkah laku devian adalah selari dengan peralihan usia. Kelas pertama tidak banyak berfikir dari segi norma kumpulan. Peralihan dari peringkat menengah ke remaja telah ditandai dengan penekanan yang lebih besar terhadap persetujuan sosial - baik dalam perspektif psikologi dan tingkah laku kumpulan.
28.	Masoumeh Homauni (2014)	Relationship between emotional intelligence, parent-child relationship, deviant peer affiliation and aggressive behaviour among adolescent in Tehran, Iran.	Peningkatan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja di Iran, yang memberi kesan kepada sendiri mereka.	Terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi, hubungan anak-ibubapa, hubungan rapat rakan sebaya yang devian dengan tingkah laku agresif remaja di Iran.
29.	Burgess AW, Hartman CR, McCormack A (1987)	Abused to abuser: antecedents of socially deviant behaviors	Mengkaji kumpulan dewasa awal yang terlibat dengan masalah tingkah laku dan jenayah dengan sejarah semasa zaman kanak-kanak, di mana mereka pernah menjadi mangsa penderaan.	Terdapat hubungan di antara penderaan semasa kanak-kanak dengan ketagihan dadah, masalah juvana dan jenayah semasa dewasa.
30.	Seydlitz, R., Jenkins, P. (1998)	The influence of families, friends, schools, and community on delinquent behavior	Membuat sorotan kajian lepas berkaitan punca-punca kesalahan juvana (salahguna dadah dan gangster) dan memahami konsep ini dalam konteks era 20an.	Pengaruh kepada tingkah laku jahat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja; keluarga, rakan sebaya, sekolah dan masyarakat – dalam kedua-dua bentuk, positif dan negatif.  Hasil sorotan literatur membantu dalam perancangan pencegahan dan strategi intervensi.

Jadual 2: Ringkasan artikel berkaitan tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak

#### 4.0 KESIMPULAN

Tingkah laku devian merupakan satu masalah yang wujud di mana-mana, dalam keluarga, sekolah dan tempat kerja, dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan juga dewasa. Perkara ini memerlukan perhatian serta tindakan semua pihak untuk menanganinya. Ini kerana tingkah laku devian tersebut mampu merosakkan individu, sesuatu institusi atau masyarakat secara keseluruhan. Ia juga boleh mengganggu sistem kehidupan manusia, secara individu mahupun kolektif. Terdapat pelbagai faktor atau punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku devian dalam kalangan kanak-kanak seperti hubungan anak-ibubapa, caragaya keibubapaan, tahap ekonomi, keadaan keluarga, media, rakan sebaya dan banyak lagi. Walaupun banyak artikel yang membuat kesimpulan bahawa hubungan anak-ibubapa dan caragaya keibubapaan adalah antara faktor penyumbang yang utama, namun kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan bagi mencari punca yang paling kritikal kepada masalah ini dan seterusnya mencari penyelesaian terbaik untuk mengatasinya. Masih banyak *gap* untuk kajian seterusnya, yang mana hasilnya nanti boleh digunakan sebagai panduan bagi merancang serta melaksanakan satu model atau satu bentuk intervensi terbaik dan berkesan.

#### RUJUKAN

- Appelbaum, S. H., Deguire, K. J. and Lay, M. (2005) The relationship of ethical climate to deviant workplace behaviour. *The International Journal of Business in Society*. 5 (4).
- Aminah Ahmad and Zoharah Omar, (2014). Reducing Deviant Behaviour through Workplace and Job Satisfaction. *Asian Social Sciences* 10(9):107-112  
<http://dx.doi.org/10.5539/ass.v10n19p107>
- Ana Sofia Aryati, Achmad Sudiro, Djumilah Hadiwidjaja and Noermijati Noermijati. (2017). The influence of ethical leadership to deviant behavior mediated by ethical climate and organizational commitment. *International Journal of Law and Management*. 60 (2): 233-249.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Juriah Juriah @ Daing Junaidah Bte Hj. Bachok. (2010). Perkaitan antara hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah bestari di Daerah Pontian. [http://eprints.utm.my/10118/1/JURNAL\\_MASTER.pdf](http://eprints.utm.my/10118/1/JURNAL_MASTER.pdf).
- Azlina Yassin. (2011). Deviant behaviour at workplace. Thesis UUM: Malaysia.

- Badruzaman bin Baharom. (2006). Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja. Tesis Sarjana Pendidikan. UTM.
- Bagheri S.M. and Shahroodi H.M., (2014). The Relationship between organizational justice and deviant behaviour in the workplace (Case study: Employees in university of Isfahan). *Asian Journal of Research in Social Sciences and Humanities*. 4 (9): 201-216. DOI: 10.5958/2249-7315.2014.00982.4
- Bland, V. J., Lambie, I. & Best, C. (2018) Does childhood neglect contribute to violent behaviour in adulthood? A review of possible links. *Clinical Psychology Review*. Volume 60, March 2018, pp. 126-135.
- Bora Yilditz and Lutfihak Alpkon, (2015). A Theoretical Model on Proposed Predictors of Destructive Deviant Workplace Behaviors and the Mediator Role of Alienation. *4th International Conference on Leadership, Technology, Innovation and Business Management*.
- Burgess A. W., Hartman C.R., McCormack A. (1987). Abused to abuser: antecedents of socially deviant behaviors. *American Journal of Psychology*, Vol 144, Issue 11, 1 Nov 1987.
- C K Cheung, Lucia Lin Liu. (2015). Revisiting the subculture: understanding deviant students in China. *Asian Education and Development Studies*, Vol. 4, Issue: 4, pp. 409-422.
- Coie, J. D. and Pennington, B. F. (1976). Children's perceptions of deviance and disorder. *JSTOR* Vol. 47, No. 2 (Jun 1976), pp. 407-413.
- Crystal, D. S. (1994). Concepts of deviance in children and adolescents: The case of Japan. *Deviant Behavior*, 15 (3), 241-266.
- Dehtiarenko, T. & Kostiuk, O. (2018). Interdisciplinary and neuropsychological approach to diagnosis and correction of phenotypes of deviant behaviour in preschool children. *Pathophysiology* 25 (2018) 185-208.
- Dunkake, I. (2006). Truants and the the family: An empirical study of deviant behaviour in early adolescence., in Mathieu Deflem (ed.) *Sociological Theory and Criminological Research (Sociology of Crime, Law and Deviance, Volume 7)*. Emerald Group Publishing Limited, pp. 29-56.
- F. Omar, F. W. Halim, A. Z. Zainah, H. Farhadi, R. Nasir and R. Khairudin. (2011). Stress and job satisfaction as antecedents of workplace deviants behaviour. *World Applied Sciences Journal 12 (Special Issues of Social and Psychological Sciences for human Development): 46-51*.

- Faridahwati Mohd Shamsudin, Chandrakantan Subramaniam, and Hadziroh Ibrahim, (2011). HR practices and deviant behaviour at work: An exploratory study. *2011 International Conference on Business and Economics Research IPEDR Vol. 16*. IACSIT Press: Singapore.
- Fergusan D. M. & Horwood, L. J. (1999). Prospective childhood predictors of deviant peer affiliations in adolescence. *Journal of Child psychology and Psychiatry and Allied Disciplines*. Volume 40, Issue 4, May 1999, pp. 581-592.
- Gill, H., Meyer, J.P., Lee, K., kang-Hyun Shin, and Chang-Young Yoon. (2011). Affective and continuance commitment and their relations with deviant workplace behaviors in Korea. *Asia Pasific Journal of Management*. 28 (3): 595-607.
- Gils, S. V., Quaquebeke, N. V., Knippenberg, D. V., Dijike M. V. and Cremer D. D. (2013). Ethical leadership and follower organizational deviance: The moderating role of follower moral attentiveness. *The Leadership Quaterly*. 26: 190-203.
- Golpavar, M. (2015). Unconventional functions of deviant behaviors in the relationship between job stress and emotional exhaustion: Three study findings. *Current Psychology*. 35 (3): 269-284.
- Golparvar M. and Nadi M. A. (2011). Mediating role of organizational loyalty in relation between work ethic with deviant workplace behaviour. *Journal Ethics in Sciences & Technology*. 6 (1): 43-52.
- Hadi Farhadi. (2011). The role of job stress, job satisfaction and individual differences on workplace deviant behaviour. Thesis UKM: Malaysia.
- Hadi Farhadi, Fatimah Omar, Rohany Nasir, Maryam Zarnaghash, and Mehrdad Salehi, (2015). The role of demographic factors on workplace deviant behaviour. *International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH-UKM2012)*. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue 2 032-039.
- Helgeland, I. M. (2011). Participation and protection of youngsters with serious behaviour problems in Norwegian Child Welfare Service, in Loretta E. Bass, David A. Kinney (ed.) *The Well-Being Cultures and Rights of Children (Sociological Studies of Children and Youth, Volume 14*. Emerald Group Publishing Limited, pp. 257-285.
- Henle, C. A., Giacalone, R. A. and Jurkiewicz, C. L. (2005) The role of ethical in workplace deviance. *Journal of business Ethics*. 56: 219-230.
- Herz, B. (2012). Punitive trends in Germany: New solutions for deviant behaviour or old wine in new bottles?, in John Visser, Harry Daniels, Ted Cole (ed.) *Transforming Troubled Lives: Strategies and Interventions for Children with Social, Emotional and*



- Behavioural Difficulties (International Perspectives on Inclusive Education, Volume 2)*. Emerald Group Publishing Limited, pp. 389-403.
- Ibnu Khaldoun bin Ahmad Zakuan. (2014). Workplace deviant behavior: Study on bank employees in Klang Valley. Thesis UUM: Malaysia.
- Ili Nabila Norsilan, Zoharah Omar, and Aminah Ahmad, (2014). Workplace deviant behaviour: A review of typology of workplace deviant behaviour. *Middle-East Journal of Scientific Research 19 (Innovation Challenges in Multidisciplinary Research & Practice)* 34-38. DOI: 10.5829/idosi.mesjr.2014.19.icmrp.6
- Kazdin, A. E. (1980). Acceptability of alternative treatments for deviant child behaviour. *Journal of Applied Behavior Analysis* 13(2):259-73.
- Kazdin, A. E. (2018). Developing treatments for antisocial behaviour among children: controlled trials and uncontrolled tribulations. *Perspectives on Psychological Science*. 13(5): 634-650.
- Krusteva, N. (2015). Deviant child behaviour: A child as a victim or an offender. *Journal: Proceeding of the Law Faculty in Nis*. UDK: 343. 91-053.6.
- Kumpulaine K., Rasanen E. (2002). Symptoms and deviant behaviour among eight-year-olds as predictors of referral for psychiatric evaluation by age 12. *Psychiatry Services*. February 2002; 53 (2):201-6.
- Labella, M. H. & Masten, A. S. (2017). Family influences on the development of aggression and violence. *Current Opinion in Psychology*. Volume 19, February 2018, pp. 11-16.
- Leweherilla Novalien C. (2017). The antecedents of deviant workplace behaviors on the employees of Regional Apparatus Organization (ODN) in Maluku Province, Indonesia. *Russian Journal of Agricultural and Socio-Economic Sciences*. 06 (19):165-174.
- Lobitz, G. K. & Johnson, S. M. (1975). Normal versus deviant children. *Journal of Abnormal Child Psychology*. December 1975. Vol. 3, Issue 4, pp. 353-374.
- Mahmut Demir. (2011). Effects of organizational justice, trust and commitment on employees' deviant behaviour. *An International Journal of Tourism and Hospitality Research*. 22 (2).
- Malini a/p Sathappan, Zoharah Omar, Aminah ahmad, Azizi Hamzah and Ismi Arif. (2016). Exploring types of deviant workplace behaviour in a public organization in Malaysia. *Journal of Social Sciences Research*. 10 (3).

- Masoumeh Homauni. (2014). Relationship between emotional intelligence, parent-child relationship, deviant peer affiliation and aggressive behaviour among adolescent in Tehran, Iran. Thesis Degree of Doctor of Philosophy UPM: Malaysia.
- Mazni Alias, Predictors of workplace deviant behavior and the mediating role of job satisfaction. Thesis UPM: Malaysia.
- Mengjiao Li, Jie Chen, Xingying Li & Kirby Deater-Deckard. (2015). Moderation of harsh parenting on genetic and environmental contributions to child and adolescent deviant peer affiliation: A longitudinal twin study. *Journal of Youth and Adolescence*. July 2015, Vol. 44, Issue 7, pp 1396-1412.
- Misbah Nasir dan Ambren Bashir. (2012). Examining workplace deviance in public sector organizations in Pakistan. *International Journal of social Economics*. 39 (4).
- Mohammad Nisar Khattak, Mohammad Bashir khan, Tasneem Fatima, Syed Zulfiqar Ali shah. (2017). The underlying mechanism between perceived organizational injustice and deviant behaviors; Moderating role of personality traits. *Asia Pacific Management Review*. xxx: 1-11.
- Muharrem Tuna, Issam Ghazzawi, Murat Yesiltas, Aysen Akbas Tuna and Siddik Arslan. (2015). The effects of the perceived external prestige of the organization on employee deviant workplace behaviour, the mediating role of job satisfaction. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*. 28 (2): 366-396.
- Na-Ting Liu dan Cherg G. Ding. (2012). General ethical judgements, perceived organizational support, interactional justice, and workplace deviance. *The International Journal of Human Resource Management*. 23 (13).
- Novick, J., Rosenfeld, E., D. A., & Dawson, D. (1996). Ascertaining deviant behaviour in children. *Journal of Consulting Psychology*, 30(3), 230-238.
- O'Neil, T. A., Lewis, R. J. and Carswell, J. J. (2011). Employee personality. Justice perceptions, and the prediction of workplace deviance. *Personality and Individual Differences*. 51 (5): 595-600.
- Pelham, W. E., Lang, A. R., Atkenson, B., Murphy, D. A., Gnagy, E. M., Greiner, A. R., Vodde-Hamilton, M. & Greenslade, K. E. (1997). Effects of deviant child behaviour on parental distress and alcohol consumption in laboratory interactions. *Journal of Abnormal Child Psychology*. Vol. 25, No. 5, pp. 413-424.
- Qingyi Li & Tyrone C. Cheng. (2017). New evidence in physical violent behaviors among school-aged children: A multiple disadvantages model. *Children and Youth Services Review*. Volume 81, October 2017, pp. 301-308.

- Rahman, S., Ferdausy, S. and Karan, R. Relationship among emotional intelligence, deviant workplace behaviour and job performance: An empirical study. *Portuguese Journal of Management Studies*. XVII (1).
- Salakhova, V. B., Bulgakov, A. V., Sokolovskaya, I. E., Khammatova, R. S and Mikhaylovsky, M. N. (2016). Substantive (Content-Related) Characteristics of deviant behaviour as a social and psychological phenomenon. *International Journal of Environmental and Science Education*. Vol. 11, No. 17, 10609-10622.
- Salazar, S., Boivin, M., Vitaro, F., Cantin, S., Forget-Dubois, N., Brendgen, M., Dionne, G., Trembly, R. (2015). Friendship and deviancy training in young children. *Journal of Aggression, Conflict and Peace Research*, Vol. 7 Issue: 2, pp. 112-123.
- Seydlitz, R., Jenkins, P. (1998). The influence of families, friends, schools, and community on delinquent behavior. In: Gullotta, T. P., Adams, G. R., Montemayor, R. (eds) *Advances in adolescent development: An annual book series. Delinquent violent youth: Theory and Interventions*, pp. 53-97. Thousand Oak, CA, US: Sage Publications Inc.
- Shepherd, M., Oppenheim, A. N & Mitchell, S. (1966). The definition and outcomes of deviant behaviour in childhood. *Proceeding of the Royal Society of Medicine. Section of Psychiatry*. Volume 59, April 1966.
- Wahler, R. G. (1975). Some structural aspects of deviant child behaviour. *Journal of applied Behavior Analysis*. Spring; 8(1): 27-42.
- Wang Qiang. (2012). The research on the deviant behaviour and parent-child relationship of juvenile crime. *Emerging Computation and Information Technologies for Education*, pp. 489-492. Part of *Advances in Intelligent and Soft Computing* book series (AINSC, Volume 146).
- Wan Ummu Hanuni binti Wan Din. (2015). Occupational stress and deviant workplace behavior among customer services employees of call center in Malaysia. Thesis UUM: Malaysia.
- Wilder. D. A, Nicholson, K. & Allison, J. (2010). An evaluation of notice to increase compliance among pre-schoolers. *Journal of applied Behavior Analysis*. 43(4): 751-755.